



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2009**

---

**PENGGUBALAN SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN DAN PENAMBAHBAIKAN  
SKIM PERKHIDMATAN TUKANG MASAK**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan kerajaan mengenai pemantapan perkhidmatan sajian makanan yang meliputi penggubalan skim perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41, C44, C48, C52, C54 dan penambahbaikan skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N1, N4.

**LATAR BELAKANG**

2. Dasar Pemakanan Kebangsaan 2003 telah digubal untuk memastikan orang awam mendapat akses kepada makanan yang selamat (*food safety*), berkhasiat dan berkualiti. Selaras dengan dasar tersebut, perkhidmatan sajian makanan dimantapkan dengan penggubalan skim perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan dan penambahbaikan skim perkhidmatan Tukang Masak.

### **SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN**

3. Kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan skim perkhidmatan baharu iaitu skim perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan yang memperuntuk perbekalan seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan diletakkan di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Sains (C);
- (b) syarat lantikan di Gred C41 ialah Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Perkhidmatan Makanan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dan lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (c) perbekalan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) daripada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan dengan memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 3 (b) di atas.

4. Skim perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan adalah seperti di **Lampiran A** manakala format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran C, C1, C2, C3 dan C4** manakala Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran D, D1, D2, D3 dan D4**.

### **SKIM PERKHIDMATAN TUKANG MASAK**

5. Dengan pemantapan perkhidmatan sajian makanan berikutan pewujudan Dasar Pemakanan Kebangsaan 2003, maka skim perkhidmatan Tukang Masak ditambah baik seperti berikut:

- (a) menaik taraf skim perkhidmatan Tukang Masak dari Gred N1, N4 ke Gred N17, N22, N26;

- (b) memperuntuk syarat lantikan seperti berikut:
- (i) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan (keutamaan diberi kepada calon yang lulus subjek Ekonomi Rumah Tangga pada peringkat SPM).  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T1); atau
  - (ii) Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang penyediaan makanan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T3); atau
  - (iii) sijil dalam bidang hotel dan katering daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N17:P1T9);
- dan (iv) kepujian Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM;
- (c) memperuntuk perbekalan KPSL dengan kelayakan akademik dari jawatan Tukang Masak Gred N17, N22, N26 ke jawatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27.

6. Skim perkhidmatan Tukang Masak yang baharu adalah seperti di **Lampiran E** manakala format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran F**. Penghuraian kerja adalah seperti di **Lampiran G, G1** dan **G2** manakala Jadual Gaji Matriks adalah seperti di **Lampiran H, H1** dan **H2**.

## **PELUANG KEMAJUAN KERJAYA PENOLONG PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN DAN PENYELIA ASRAMA**

7. Juga, skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27, C32, C38 yang berkuat kuasa ditambahbaik dalam memberikan peluang kemajuan kerjaya melalui peruntukan perbekalan KPSL dengan kelayakan akademik ke perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41. Skim perkhidmatan Penyelia Asrama Gred N17, N22, N26 pula diperuntuk KPSL ke skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C27 mengambil kira terdapat perkaitan dan kesinambungan skop fungsi tugas. Perbekalan-perbekalan lain dalam kedua-dua skim perkhidmatan dikekalkan.

8. Perubahan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan adalah seperti di **Lampiran J**, format iklan jawatan di **Lampiran K**, penghuraian kerja di **Lampiran L, L1, L2** dan Jadual Gaji Matriks di **Lampiran M, M1 dan M2**. Perubahan skim perkhidmatan Penyelia Asrama adalah seperti di **Lampiran N**, format iklan jawatan di **Lampiran O**, penghuraian kerja di **Lampiran P, P1 dan P2** dan Jadual Gaji Matriks di **Lampiran Q, Q1 dan Q2**.

## **PELAKSANAAN**

9. Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Tukang Masak **yang melaksanakan skop fungsi tugas Tukang Masak secara sepenuh masa dan dilantik secara tetap adalah layak ditukar lantik** ke skim perkhidmatan Tukang Masak yang baharu dari gred asal ke gred lantikan seperti berikut:

- (a) pegawai di Gred N1, N4 yang memiliki SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus dalam Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) di peringkat sijil tersebut akan ditukar lantik ke Gred N17; atau

- (b) pegawai dalam Gred N1, N4 yang tidak memiliki SPM akan ditukar lantik ke Gred N17 **mengikut kelonggaran syarat** seperti berikut:
- (i) memiliki Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) tahun pengalaman dalam **bidang penyediaan makanan**; atau
  - (ii) tamat darjah enam (6) sekolah bantuan penuh kerajaan serta mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam **bidang penyediaan makanan**.

Tempoh perkhidmatan tetap yang disyaratkan adalah tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji atau mana-mana tempoh yang tidak diambil kira mengikut peraturan yang berkuat kuasa.

10. Tukang Masak Gred N1, N4 yang belum memenuhi syarat seperti di perenggan 9 di atas akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan dipindahkan ke matagaji baharu dalam skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17 sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan.

11. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Tukang Masak Gred N17, N22, N26 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Tukang Masak Gred N1, N4 yang terlibat dengan urusan pertukaran pelantikan ini.

#### **PEMBERIAN OPSYEN**

12. Berikutan daripada pelaksanaan skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17, N22, N26 yang baharu, Pihak Berkuasa Melantik melalui Ketua Jabatan/ Perkhidmatan akan menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai sedang berkhidmat

dalam skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N1, N4 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

13. Pegawai yang terlibat diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat tawaran opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh ditetapkan atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17. Pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.

14. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta telah memilih tawaran opsyen Sistem Saraan Malaysia. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Tukang Masak bertaraf tetap yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

15. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

16. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat di sampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 14, atas alasan yang munasabah, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberikan tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan pegawai membuat pilihan walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

17. Bagi maksud urusan pemberian opsyen pegawai yang telah layak, contoh surat tawaran opsyen, syarat-syarat pertukaran pelantikan dan borang opsyen adalah seperti berikut:

- (a) Surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan - **Lampiran R**
- (b) Syarat-syarat pertukaran pelantikan; dan - **Lampiran R1**
- (c) Borang opsyen - **Lampiran R2**

18. Manakala bagi maksud urusan pemberian opsyen pegawai yang belum layak, syarat-syarat pertukaran pelantikan adalah seperti di **Lampiran R1** manakala contoh surat tawaran opsyen, dan borang opsyen adalah seperti berikut:

- (a) Surat tawaran opsyen pertukaran pelantikan - **Lampiran R3**
- (c) Borang opsyen - **Lampiran R4**

19. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/ kontrak/ sambilan. Perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Walau bagaimanapun, sekiranya perkhidmatan pegawai masih diperlukan, urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk pegawai memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

## KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

20. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan/ Perkhidmatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat melalui ketua jabatan setelah mendapat butiran nama pegawai yang terlibat daripada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

(b) **Ketua Jabatan/ Perkhidmatan**

(i) **menyampaikan surat tawaran** opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17 kepada pegawai yang terlibat;

(ii) **memberi penjelasan** secara terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;

(iii) **mengemaskini** kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat; dan

(iv) **melaksanakan urusan** pertukaran pelantikan mengikut pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh ianya diedarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

(i) **membaca dengan teliti dan memahami** opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai



hendaklah merujuk kepada Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk mendapat penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah **muktamad**;

- (ii) **melengkapkan dua (2) salinan borang** opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) **membuat pilihan** sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini dan mengembalikan borang opsyen dalam tempoh **30 hari** mulai tarikh surat tawaran opsyen.

#### **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

21. Kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan Tukang Masak Gred N1, N4 ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17 yang baharu adalah seperti berikut:

- a) Penetapan gaji permulaan bagi Tukang Masak yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** di gred jawatan asal adalah berdasarkan prinsip **matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** Gred N17; dan
- b) Penetapan gaji permulaan bagi Tukang Masak yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** di gred jawatan asal adalah berdasarkan prinsip **matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1)** Gred N17 **yang mana jumlah tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa** di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) gred jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya.

22. Secara terperinci penetapan gaji permulaan bagi Tukang Masak Gred N1, N4 yang ditukar lantik kepada Tukang Masak Gred N17 adalah seperti berikut:

- (a) Tukang Masak Gred N1
- i. Tukang Masak Gred N1 yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** dan telah **memenuhi syarat** yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di **Gred N17**;
  - ii. Tukang Masak Gred N1 yang **belum disahkan dalam perkhidmatan** dan **belum memenuhi syarat** akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17 sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan;
  - iii. Tukang Masak Gred N1 yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** dan **memenuhi syarat** yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred N17 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred N17 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
  - iv. Tukang Masak Gred N1 yang **telah disahkan dalam perkhidmatan** dan **belum memenuhi syarat** yang ditetapkan akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17 sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan.

(b) Tukang Masak Gred N4

- i. Tukang Masak Gred N4 yang **memenuhi syarat** pertukaran pelantikan yang ditetapkan hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di gred jawatan asal di Peringkat 1 (P1) di Gred N17 yang mana jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa di gred jawatan asal. Jika matagaji di Peringkat 1 (P1) Gred N17 tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip ini, gaji boleh ditetapkan di Peringkat (P) berikutnya;
- ii. Tukang Masak Gred N4 yang **belum memenuhi syarat** akan dikekalkan di dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Gaji pegawai hanya akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17 sehari selepas memenuhi syarat seperti yang ditetapkan.

23. Sekiranya **matagaji di gred jawatan baharu tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip-prinsip di atas, Jadual Gaji Khas Untuk Penyandang (KUP)** hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

24. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Tukang Masak adalah seperti di **Lampiran S, S1, S2, dan S3**.

#### **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

25. Pergerakan Gaji Tahunan di gred jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai pada 1 Oktober 2009 hendaklah diberi di gred jawatan asal pada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan iaitu 2 Julai 2009 sebelum diselaraskan ke gred jawatan baharu kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat yang ditetapkan.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

26. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran perlantikan. TPG baharu itu ialah mulai 1 Julai tahun berikutnya.

27. TPG bagi pegawai yang **belum memenuhi syarat** di gred jawatan baharu yang ditetapkan kekal mengikut TPG gred jawatan dan skim perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun, TPG tersebut akan diubah kepada satu TPG baharu pada tahun berikutnya selepas pegawai memenuhi syarat di gred jawatan baharu. TPG baharunya adalah pada 1 Julai tahun berikutnya.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

28. Tukang Masak yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17, N22 dan N26 akan menerima elaun dan kemudahan mengikut pekeliling perkhidmatan/ surat pekeliling perkhidmatan / surat edaran yang sedang berkuat kuasa di bawah skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17, N22, N26.

## **PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

29. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Tukang Masak Gred N1, N4 yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan Tukang Masak Gred N17 **tidak boleh mengguna pakai kelulusan Penilaian Tahap Kecekapan di gred jawatan asal sebagai memenuhi salah satu syarat untuk dipertimbangkan Anjakan Gaji dan/ atau kenaikan pangkat** berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

## **TARIKH KUAT KUASA**

30. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **2 Julai 2009**. Dengan itu, semua lantikan ke jawatan Tukang Masak Gred N1, N4 tidak lagi boleh dilaksanakan. Mulai 2 Julai 2009 pelantikan ke jawatan Pegawai Penyediaan Makanan, Penolong Pegawai Penyediaan Makanan, Tukang Masak dan Penyelia Asrama hendaklah menggunakan pekeling perkhidmatan ini.


## **PEMBATALAN**

31. Dengan berkuat kuasanya pekeling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan dan skim perkhidmatan Penyelia Asrama yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Lampiran B, muka surat 147 hingga 148 dan 508 hingga 509 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan. Skim perkhidmatan Tukang Masak di Lampiran B, muka surat 510 hingga 511 dalam pekeling perkhidmatan yang sama turut dibatalkan kecuali untuk menampung pegawai yang belum layak dan pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini.

## **PEMAKAIAN**

32. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**( TAN SRI ISMAH ADAM )**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

19 Jun 2009

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN**

<b>KLASIFIKASI</b>	:	PERKHIDMATAN SAINS
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	:	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	:	2 JULAI 2009

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>
<b>Gred C41</b>	: P1T1 RM1716.72 - P1T27 RM4716.86 P2T1 RM1812.73 - P2T27 RM4997.81 P3T1 RM1912.92 - P3T27 RM5285.98
<b>Gred C44</b>	: P1T1 RM3023.34 - P1T14 RM5013.28 P2T1 RM3346.17 - P2T14 RM5480.77
<b>Gred C48</b>	: P1T1 RM4425.97 - P1T8 RM5877.25 P2T1 RM4865.68 - P2T8 RM6433.89
<b>Gred C52</b>	: P1T1 RM4981.18 - P1T8 RM6432.49 P2T1 RM5454.29 - P2T8 RM7022.50
<b>Gred C54</b>	: P1T1 RM5252.52 - P1T8 RM6837.45 P2T1 RM5717.28 - P2T8 RM7460.84

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
    - warganegara Malaysia;
    - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Perkhidmatan Makanan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred C41: P1T3);
    - dan (d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  - Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
    - mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
    - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
- SYARAT KENAIKAN  
PANGKAT SECARA  
LANTIKAN**

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred C41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pegawai Penyediaan Makanan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**
6. Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan; dan
  - (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pegawai Penyediaan Makanan hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C44**
10. Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyediaan Makanan Gred C44 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED C48**
11. Pegawai Penyediaan Makanan Gred C44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyediaan Makanan Gred C48 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT**
12. Pegawai Penyediaan Makanan Gred C48 adalah layak



**KE GRED C52**

dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyediaan Makanan Gred C52 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED C54**

13. Pegawai Penyediaan Makanan Gred C52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Penyediaan Makanan Gred C54 yang kosong apabila telah:-

- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- (b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
- (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

## LAMPIRAN B

### FORMAT IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pegawai Penyediaan Makanan
- (b) Kementerian/Jabatan : (Nyatakan nama agensi)
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Klasifikasi Perkhidmatan Sains

#### 2. Jadual Gaji

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>
<b>Gred C41</b>	: P1T1 RM1716.72 - P1T27 RM4716.86 P2T1 RM1812.73 - P2T27 RM4997.81 P3T1 RM1912.92 - P3T27 RM5285.98
<b>Gred C44</b>	: P1T1 RM3023.34 - P1T14 RM5013.28 P2T1 RM3346.17 - P2T14 RM5480.77
<b>Gred C48</b>	: P1T1 RM4425.97 - P1T8 RM5877.25 P2T1 RM4865.68 - P2T8 RM6433.89
<b>Gred C52</b>	: P1T1 RM4981.18 - P1T8 RM6432.49 P2T1 RM5454.29 - P2T8 RM7022.50
<b>Gred C54</b>	: P1T1 RM5252.52 - P1T8 RM6837.45 P2T1 RM5717.28 - P2T8 RM7460.84

3. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Perkhidmatan Makanan daripada UiTM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred C41: P1T3);

dan(d) lulus Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan
  - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.
5. Taraf Jawatan : (Nyatakan sama ada bertaraf tetap atau sementara.)
6. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki skim perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
7. Fungsi Bidang Tugas : (Untuk diisi oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.)
8. Tarikh Tutup Jawatan : (Nyatakan tarikh tutup permohonan.)

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Penyediaan Makanan Gred C41

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan

**3. RINGKASAN TUGAS**

- 3.1. Bertanggungjawab dalam pengurusan merancang menu dan perolehan bahan makanan yang diperlukan dalam resipi piawai dan memastikan makanan disediakan selamat, bersih dan berkualiti dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- 3.2. Perolehan bahan makanan basah/mentah dan kering, pengurusan penyimpanan makanan, pra-penyediaan memasak dan penghidangan makanan untuk memastikan dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan.
- 3.3. Menyelia anggota di bawah jagaan untuk memastikan mematuhi disiplin, tatacara pelaksanaan tugas dan peraturan keselamatan pekerjaan.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

**4.1. Pengurusan Perolehan Bahan Basah, Mentah dan Kering**

- (a) Membuat pesanan atau pembelian untuk makanan basah/mentah dan kering, formula *enteral*, formula susu bayi serta produk khas.
- (b) Menerima dan memastikan kuantiti bekalan makanan basah/mentah dan kering yang diterima dari pembekal mematuhi pesanan dan spesifikasi kontrak.
- (c) Memastikan penyimpanan makanan dalam *chiller* dan *freezer* adalah mematuhi tatacara penyimpanan.
- (d) Menjaga stor-stor dengan memastikan stok disimpan mengikut tatacara penyimpanan, sistem rekod stok yang betul, memantau masuk/keluar stok serta kebersihan dan keselamatan.

- (e) Menjaga urusan dalam stor makanan seperti stor pukal, sub-stor dan stor harian.
- (f) Membuat pengiraan denda kepada pembekal bagi hantaran bekalan makanan yang tidak mematuhi syarat kontrak.
- (g) Membuat pesanan untuk gas memasak dan memantau penggunaannya.
- (h) Memproses bayaran kepada pembekal-pembekal.

#### 4.2. Pengurusan Perolehan dan Penyelenggaraan Peralatan

- (a) Membuat pesanan atau pembelian inventori dan harta modal untuk perkhidmatan penyediaan makanan.
- (b) Menerima dan memastikan peralatan yang diterima dari pembekal adalah mematuhi pesanan dan spesifikasinya.
- (c) Merekodkan daftar inventori dan harta modal serta memeriksa dan mengemaskinikan stok peralatan untuk memastikan rekod peralatan adalah betul.
- (d) Menyelia tugas pembersihan dan susun atur peralatan oleh anggota yang menjalankan tugas urusan stor.

#### 4.3. Pengurusan Perkhidmatan Penyediaan Makanan

- (a) Terlibat dalam perancangan menu bagi diet normal, diet yang mempunyai modifikasi konsisten dan nutrien seperti ditentukan oleh pegawai dietetik.
- (b) Terlibat dalam perancangan menu dan resipi piawai.
- (c) Menyelia dan memastikan makanan disediakan dengan mematuhi menu dan resipi piawai bagi diet normal, diet terapeutik, diet kanak-kanak dan doktor *on call* serta menghasilkan mutu masakan yang berkualiti.
- (d) Menyelia dan memastikan penghidangan diet di wad adalah betul mengikut pesanan, dilabelkan dan dihidangkan dengan betul dan menarik.
- (e) Memastikan pengeluaran dan pengagihan formula *enteral*, formula susu bayi, produk khas dan catuan makan malam dilaksanakan dengan betul.

#### 4.4. Pentadbiran Anggota

- (a) Melaksanakan tugas pentadbiran berkaitan perkhidmatan makanan.
- (b) Mendokumentasikan dan menyimpan rekod-rekod dan maklumat berkaitan.
- (c) Memastikan semua keperluan sedia ada untuk anggota melaksanakan tugas harian.
- (d) Membuat laporan kad perakam waktu dan merekodkan cuti anggota.
- (e) Memantau kehadiran, disiplin dan prestasi kerja anggota di bawah jagaan serta memberi nasihat / amaran terhadap tata kelakuan bagi yang berkenaan.
- (f) Memastikan anggota mematuhi prosedur keselamatan dan polisi Jabatan.
- (g) Memastikan anggota di bawah jagaan menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapat suntikan *thypoid*.
- (h) Memberi ceramah, latihan dan pendidikan berterusan kepada anggota.
- (i) Memberi latihan praktikal katering untuk pelatih-pelatih dari Institusi Pengajian Tinggi.

#### 4.5. Penjagaan Peralatan, Kemudahan, Kebersihan Dan Keselamatan

- (a) Memastikan anggota di bawah jagaan mengamalkan kebersihan diri dalam setiap proses kerja yang dikendalikan.
- (b) Memantau tugas mencuci, penyelenggaraan fasiliti dan pembaikan peralatan yang dikendalikan oleh *Vendor* adalah mengikut jadual yang ditetapkan.
- (c) Memastikan semua peralatan dan kemudahan sedia ada adalah berfungsi dengan baik dan selamat untuk digunakan.
- (d) Memastikan semua stor, bilik, kawasan dalam serta luar bangunan adalah bersih dan *pest-control* dilaksanakan mengikut jadual.
- (e) Memastikan anggota mematuhi prosedur keselamatan dan polisi Jabatan.

#### **4.6. Pengurusan Kawalan Kualiti**

- (a) Menentukan pematuhan indikator-indikator kualiti yang ditetapkan daripada peringkat penerimaan makanan basah/mentah dan kering daripada pembekal hingga makanan dihidangkan kepada pesakit.
- (b) Menjalankan ujirasa makanan, merekodkan keputusannya, mengambil tindakan sebelum dihidangkan serta membuat ringkasan untuk tindakan penambahbaikan.
- (c) Menjalankan pemeriksaan penghidangan diet di wad.
- (d) Mengambil tindakan jika terdapat aduan makanan.
- (e) Menjalankan kajian kepuasan pelanggan dan kajian kualiti berkaitan.

#### **4.7. Melaksanakan lain-lain tugas berkaitan yang diarahkan dari semasa ke semasa.**

### **5. HUBUNGAN KERJA**

#### **5.1. Dalaman**

- (a) Pengurusan tertinggi.
- (b) Semua anggota di Jabatan Sajian.
- (c) Anggota lain yang terlibat di dalam urusan makanan pesakit di wad seperti Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat dan Pembantu Perawatan Kesihatan.
- (d) Anggota di bahagian pejabat pentadbiran dan pejabat kewangan jabatan.
- (e) Kakitangan yang bertugas di bahagian Stor Integrasi.

#### **5.2. Luaran**

- (a) Semua jabatan/kementerian yang bertanggungjawab untuk menjalankan audit luaran dan semua individu yang berurusan secara langsung.
- (b) Pembekal/kontraktor yang terlibat membekalkan bekalan makanan dan peralatan kepada Jabatan Sajian.
- (c) Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.

- (d) Pertubuhan/persatuan/NGO yang berminat mendapatkan khidmat nasihat mengenai pengurusan perkhidmatan makanan secara profesional.

**6. PERSEKITARAN KERJA**

- (a) Dalam dan luar pejabat.
- (b) Kawasan operasi penyediaan makanan untuk pelanggan.
- (c) Lawatan ke wad-wad untuk memastikan pengendalian makanan pesakit mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- (d) Lawatan ke premis-premis pembekal bekalan makanan basah/mentah dan kering.
- (e) Lawatan ke premis-premis pembekal bekalan makanan bermasak kepada jabatan-jabatan kerajaan berkaitan untuk menilai tahap kemampuan dan kepatuhan dalam urusan pengendalian makanan.
- (f) Dalam dan luar negara.

**7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- (a) Berkemahiran di dalam pengendalian komputer.
- (b) Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (c) Berkemampuan untuk bertugas dalam keadaan tekanan kerja yang tinggi.
- (d) Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberikan khidmat nasihat dan membuat keputusan yang tepat dan cepat.
- (e) Berkebolehan di dalam menyediakan kertas kerja dan laporan yang berkualiti.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Integriti.
- (b) Bertanggungjawab.
- (c) Profesionalisme.



- (d) Kebebasan, adil dan saksama.
- (e) Penyayang.
- (f) Kerahsiaan.
- (g) Kompeten dan teliti.
- (h) Berdisiplin.

9. **ANCAMAN / BAHAYA**

- (a) Percanggahan kepentingan.
- (b) Penglibatan di dalam aktiviti perolehan bekalan makanan dan peralatan.
- (c) Risiko terdedah kepada penyelewengan.
- (d) Boleh diambil tindakan undang-undang.
- (e) Bekerja di bawah tekanan yang tinggi.
- (f) Penglibatan dengan tugas di luar pejabat.

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Penyediaan Makanan Gred C44

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan

**3. RINGKASAN TUGAS**

- 3.1. Bertanggungjawab dalam pengurusan perolehan basah/mentah dan kering, proses pembelian dan perjanjian.
- 3.2. Menyelia dan memastikan proses katering bermula dari peringkat perolehan makanan basah/mentah dan kering sehingga dihidangkan adalah dilaksanakan mengikut piawaian.
- 3.3. Bertanggungjawab ke atas perolehan peralatan, kemudahan, penyelenggaraan, pembaikan, pelupusan dan memastikan dilaksanakan mengikut tatacara yang ditetapkan.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

**4.1. Pengurusan Perkhidmatan Makanan di Peringkat Hospital.**

- (a) Melibatkan diri dan memberi input dalam penstrukturan perancangan menu untuk diet normal dan diet terapeutik.
- (b) Melibatkan diri dan memberikan input dalam menyediakan resepi-resepi piawai bagi setiap menu yang dirancang bagi memastikan masakan adalah berkualiti.

**4.2. Pengurusan Sumber Manusia**

- (a) Menyelia anggota di bawah jagaan untuk memastikan tugas dilaksanakan dengan mengikut peraturan.

- (b) Menyelia anggota di bawah jagaan.
- (c) Memberikan bimbingan dan tunjuk ajar mengenai proses kerja.

#### **4.3. Pengurusan Operasi Penyediaan Makanan**

- (a) Menguruskan penyimpanan makanan bagi memastikan semua makanan disimpan dengan selamat dan bersih.
- (b) Menguruskan kerja-kerja pra-penyediaan, memasak dan penghidangan makanan adalah mematuhi garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan.
- (c) Melaksanakan urusan perolehan bekalan makanan dan memastikan urusan dijalankan adalah mematuhi tatacara pengurusan perolehan.
- (d) Mengesahkan penerimaan makanan basah/mentah dan kering daripada pembekal dengan memastikan bekalan diterima adalah mematuhi spesifikasi kontrak.

#### **4.4. Keselamatan Makanan (HACCP) Di Hospital**

- (a) Bertanggungjawab terhadap pelaksanaan sistem HACCP di Unit Sajian selaras dengan matlamat kementerian untuk memastikan makanan adalah selamat dan berkualiti.
- (b) Terlibat dalam Jawatankuasa Makanan dan bertanggungjawab untuk menguruskan urusan pemeriksaan dan audit keselamatan dan kebersihan makanan.
- (c) Terlibat dalam Jawatankuasa Pemilihan pengusaha kafeteria.

#### **4.5. Pengurusan Pelan Penyenggaraan Fizikal Premis**

- (a) Terlibat dalam Jawatankuasa Penentuan Spesifikasi Pelan Lantai Untuk Dapur Baru termasuk pemilihan bahan-bahan, peralatan dan perkakasan bagi memastikan ianya memenuhi keperluan sesebuah dapur dan mematuhi spesifikasi GPM dan HACCP.
- (b) Melibatkan diri dalam penyediaan dokumen TRPI, *Health Services Improvement Project (HSIP)* Syarikat Konsesi bertanggungjawab dalam penyelenggaraan premis Unit Sajian.

#### **4.6. Pengurusan Peningkatan Kualiti**

- (a) Melaksanakan kajian kepuasan pelanggan.
- (b) Melaksanakan penambahbaikan hasil makanan dan perkhidmatan penyediaan makanan.
- (c) Melibatkan diri dalam menetapkan tahap indikator-indikator kualiti.

#### **4.7. Pengurusan Latihan**

- (a) Memberi latihan kepada semua anggota di bawah jagaan.
- (b) Memberi ceramah berkaitan perkhidmatan makanan kepada jabatan, agensi atau organisasi lain.
- (c) Memberi latihan dalam pengurusan perkhidmatan makanan kepada pelatih dari Institusi Pengajian Tinggi.

#### **4.8. Pengurusan Keselamatan Pekerja**

- (a) Menyelia anggota di bawah jagaan mematuhi polisi keselamatan.
- (b) Melibatkan diri dalam perancangan polisi-polisi keselamatan termasuk langkah-langkah penggunaan peralatan yang selamat dan selaras dengan OSHA.
- (c) Memberi latihan anggota untuk memastikan penggunaan peralatan adalah mematuhi aspek keselamatan.
- (d) Terlibat secara langsung di dalam Jawatankuasa Keselamatan dan memastikan anggota mematuhi peraturan keselamatan.

#### **4.9. Melaksanakan lain-lain tugas berkaitan yang diarahkan dari semasa ke semasa.**

## 5. HUBUNGAN KERJA

### 5.1. Dalaman

- (a) Pengurusan tertinggi.
- (b) Semua anggota di Jabatan Sajian.
- (c) Anggota lain yang terlibat di dalam urusan makanan pesakit di wad seperti Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Jururawat dan Pembantu Perawatan Kesihatan
- (d) Anggota di bahagian pejabat pentadbiran dan pejabat kewangan jabatan.
- (e) Kakitangan yang bertugas di bahagian Stor Integrasi.

### 5.2. Luaran

- (a) Semua jabatan/kementerian yang bertanggungjawab untuk menjalankan audit luaran dan semua individu yang berurusan secara langsung.
- (b) Pembekal/kontraktor yang terlibat membekalkan bekalan makanan dan peralatan kepada Jabatan Sajian.
- (c) Institusi Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.
- (d) Pertubuhan/persatuan/NGO yang berminat mendapatkan khidmat nasihat mengenai pengurusan perkhidmatan makanan secara profesional.

## 6. PERSEKITARAN KERJA

- (a) Dalam dan luar pejabat.
- (b) Kawasan operasi penyediaan makanan untuk pelanggan.
- (c) Lawatan ke wad-wad untuk memastikan pengendalian makanan pesakit mematuhi garis panduan yang ditetapkan.
- (d) Lawatan ke premis-premis pembekal bekalan makanan bermasak kepada jabatan-jabatan kerajaan berkaitan untuk menilai tahap kemampuan dan kepatuhan dalam urusan pengendalian makanan.
- (e) Dalam dan luar negara.

**7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/KEMAHIRAN)**

- (a) Berkemahiran di dalam pengendalian komputer.
- (b) Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan menulis di dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- (c) Berkemampuan untuk bertugas dalam keadaan tekanan kerja yang tinggi.
- (d) Berkebolehan memberikan pendapat secara profesional, memberikan khidmat nasihat dan membuat keputusan yang tepat dan cepat.
- (e) Berkebolehan di dalam menyediakan kertas kerja dan laporan yang berkualiti.

**8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- (a) Integriti.
- (b) Bertanggungjawab.
- (c) Profesionalisme.
- (d) Kebebasan, adil dan saksama.
- (e) Penyayang.
- (f) Kerahsiaan.
- (g) Kompeten dan teliti.
- (h) Berdisiplin.

**9. ANCAMAN / BAHAYA**

- (a) Percanggahan kepentingan.
- (b) Penglibatan di dalam aktiviti perolehan bekalan makanan dan peralatan.
- (c) Risiko terdedah kepada penyelewengan.
- (d) Boleh diambil tindakan undang-undang.
- (e) Bekerja di bawah tekanan yang tinggi
- (f) Penglibatan dengan tugas di luar pejabat.

**PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN  
PEGAWAI PENYEDIAAN MAKANAN**

1. **SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai Penyediaan Makanan Gred C48

2. **PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai jabatan/ agensi kerajaan

3. **RINGKASAN TUGAS**

